

Belum masa untuk PRU-15, selesaikan dulu isu rakyat

PH - 1/6/2022 m/s: /

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berpendapat sekarang bukan masa yang sesuai untuk mengadakan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) ketika negara berdepan pelbagai isu seperti kenaikan kos sara hidup dan kadar inflasi yang tinggi.

Dalam temu bual eksklusif bersama akhbar Nikkei berpangkalan di Jepun, iaitu akhbar kewangan terbesar dunia dengan pengedaran melebihi tiga juta sehari, Perdana Menteri berkata, kenaikan harga makanan dan kos sara hidup antara sebab beliau memerlukan masa

di sebalik spekulasi kuat PRU-15 dijangka diadakan sebelum akhir tahun ini.

“Kita perlu menunggu masa sesuai (untuk membubarkan Parlimen). Kita kini menghadapi tempoh inflasi yang meningkat dengan harga (barangan) yang tinggi... adakah anda fikir ini masa yang sesuai (untuk pilihan raya)?” katanya pada temu bual di luar persidangan Nikkei's Future of Asia di Tokyo, minggu lalu. Temu bual itu disiarkan media itu semalam.

“Kita perlu menunggu masa sesuai, kita kini menghadapi tempoh inflasi yang meningkat dengan harga (barangan) yang tinggi... Adakah anda fikir ini masa yang sesuai”

**Datuk Seri
Ismail Sabri Yaakob,
Perdana Menteri**

